

KASHMIR - SEPERTI GUNUNG BERAPI YANG AKAN MELETUS?


Di dalam rencana yang diterakan di bawah ini pengarangnya telah mencitrakan penanggungan-penanggungan yang pedih dan kezaliman-kezaliman yang dahsyat yang ditanggung dan dihadapkan kepada umat Islam Kashmir yang di dalamnya adalah menjadi suatu gambaran yang nyata mengapa maka Kashmir itu sangat mustahak mesti terletak di dalam keluasan Pakistan. Mereka tentu tidak akan dapat mendiamkan dirinya melihat penderitaan-penderitaan saudara-saudaranya yang hebat itu kerana tidakkah telah tertanam dan sebagai di dalam perasaan orang-orang Islam bahawa "orang Muslim dengan orang Muslim itu bersaudara dan keadaannya seperti batu yang bina membina".

QURAN DITENDANG (2)

(oleh Kapten Mas'ud)

Tuan harus tidak begitu percaya bahawa sebabnya ialah bahawa kaum Ghaddis itu semuanya Hindu dan Bakruai itu orang-orang Islam.

Orang-orang Islam adalah dibeza-bezakan dalam segala urusan kehidupan. Mereka tidak ada suara dalam pertadbiran negeri. Mereka tidak ada kemudahan-kemudahan kerana mendapat pelajaran. Menurut penyata banci tahun 1941, hanya empat orang daripada tiap-tiap seratus orang yang berpelajaran, manakala angka orang-orang Hindu dan Sikh yang berpelajaran 15 peratus dan 32 peratus tiap-tiap satu bahagian.



Pemandangan dalam sebuah kawasan di daerah Azad Kashmir

Sekarang marilah kita perhatikan bagaimana orang-orang Islam yang telah terdesak kepada keadaan yang hina itu berdiri di antara lain-lain kaum berkenaan dengan bilangannya.

Menurut penyata banci 1941, jumlah penduduk negara itu ialah 4,021,616 daripadanya 3,101,247 ialah orang-orang Islam dan 920,369 orang-orang yang bukan Islam (termasuk orang-orang Hindu, Sikh, Buddhist dan orang Paria). Yang demikian orang-orang Islam ialah 77.11 peratus daripada semua jumlah penduduk negara Jammu dan Kashmir.

Menurut segi pertadbiran dan juga geografi, negara itu terbahagi kepada tiga jajahan iaitu jajahan Jammu, jajahan Kashmir dan daerah-daerah sempadan. Dengan mengambil angka-angka banci daripada tiga buah daerah itu maka orang-orang Islam 61.3 peratus daripada penduduk jajahan Jammu, 39.4 peratus daripada penduduk jajahan Kashmir, termasuk lembahan Kashmir yang indah itu dan 86.5 peratus daripada penduduk daerah-daerah sempadan.

Bilangan orang-orang Islam yang banyak sekali itu adalah diperintah oleh seorang pemerintah Hindu yang zalim yang telah menafikan kepada mereka itu akan segala hak-hak kemanusiaan. Dalam riwayat hidupnya, Pendeta Jawahar Lal

Nehru, sekarang Perdana Menteri India, berkata berkenaan dengan negara-negara India bahawa : "Negara itu boleh jadi cara pemerintahan kuasa raja yang bersendirian dalam dunia" kerajaan Dogra dari Kashmir itu adalah satu daripada yang paling buruk sekali. Kepada orang-orang Islam pemerintahannya zalim dan aninya, molek Raj Ananda, seorang pengarang India yang mashyur menamakan Kashmir itu sebagai suatu negeri "di mana sungguhpun tabii adalah pemurah dan baik hati, sudah berkurun-kurun lamanya orang dengan aninya dan bengis menekan orang"

Suatu masa telah tiba apabila orang-orang Kashmir berfikir yang mereka tidak boleh mengambil semua itu dengan berbaring. Semangat benci terhadap kepada pemerintahan Dogra yang menekan itu yang telah berkobar-kobar dalam dada mereka bertahun-tahun lamanya itu dengan tiba-tiba telah menyala dalam tahun 1930, apabila senaskah dari Al-Quran Al-Karim telah ditendang oleh seorang pegawai Hindu dalam berek-berek polis di Jammu. Kira-kira pada waktu itu juga seorang pegawai polis bangsa Hindu telah menahan seorang imam membaca khutbah lepas sembahyang hari raya.

Perasaan naik berkobar-kobar. Suatu perjumpaan telah diadakan di Masjid Jamek di Srinagar di mana ucapan yang berapi-api telah dilafazkan. Perarakan-perarakan telah diadakan memekikkan cogan-cogan kata. Dalam sejarah Kashmir, inilah kejadian yang pertama kali bagi orang-orang Islam berani menunjukkan perasaan marah mereka dengan berterang-terang. Pihak berkuasa Dogra tidak boleh sabar lagi. Seorang pensyarah, Abdul Kadir namanya telah ditangkap bersama-sama dengan 9 orang yang lain. Mereka itu dibicarkan di dalam penjara. Orang ramai berhimpun di luar penjara itu dan pihak berkuasa Dogra telah memberi perintah kepada polis menembak mereka itu. Sembilan orang Islam terbunuh, 40 orang luka dan 350 orang telah dimasukkan ke dalam penjara. Di antara orang-orang yang ditangkap itu ialah Hasri Ghulam Abbas, sekarang menjadi ketua tertinggi dari Pergerakan Kebebasan Kashmir.

Juga kerajaan negeri itu berfikir bahawa pembalasan



Daripada gambar ini nampak dengan terangan menunjukkan keadaan dan penderitaan orang-orang Islam di Kashmir.

-----*-----*

yang bengis itu akan membunuh semangat orang ramai maka mereka itu adalah silap. Perbuatan menangkap orang dengan banyak itu hanya menolong menyalaikan api kemarahan dan pergerakan merebak dari pekan-pekan ke kampung-kampung dan desa-desa. Telah wujud suatu demonstrasi bagi sedikit masa tetapi kerajaan tidak menaruh kepercayaan dan huru hara berlaku lagi. Orang ramai yang tidak bersenjata ditembak dengan berleluasa. Misalnya di Islamabad, sebuah pekan kecil, 41 batu jauhnya dari Srinagar, askar-askar Hindu telah menembak suatu perarakan orang Islam dengan membunuh 20 orang lelaki dan kanak-kanak dan melukakan lebih banyak lagi dan kebanyakan yang luka itu ialah budak-budak yang dibawah 14 tahun umurnya. Kacau bilau itu merebak hingga menyebabkan Maharaja Hari Singh sendiri mengeluarkan suatu perintah pada 24 haribulan September 1930, menguatkuasakan suatu undang-undang tentera Di Srinagar kepada negeri itu.

Saya menceritakan segala butir-butir ini kerana adalah ia menjadi suatu asas yang mustahak berkenaan dengan masalah yang menghendaki kita hari ini. Apa yang telah berlaku dalam tahun 1930 adalah menjadi suatu dalil yang kuat atas kejadian-kejadian yang berlaku 17 tahun kemudian daripada itu. Sikap Kongres India yang pada masa itu menyamarkan diri di sebalik topeng kebangsaan, kepada pergerakan itulah menjadi peperangan kebanyakan daripada pekerjaan dan amalan India kepunyaan Hindu itu di mana kongres itu juga menjadi parti yang berkuasa.

Bagaimana caranya undang-undang tentera itu? Adakah ia dikuatkuasakan bagi memulihkan undang-undang dan peraturan atau adakah ia hendak menuntut bella ke atas orang-orang Islam kerana keberanian mereka bergerak menuntut hak-hak mereka? Patrick Licci, seorang pemerhati siasah British, telah menulis dalam sebuah daripada buku-bukunya begini :


“Askar-askar Kashmir dan polis seolah-olah telah diberi kebenaran mengamuk dan dengan sesungguhnya yang bersenjara cukup lengkap maka penjahat-penjahat itu telah memberanikan diri mengumpam, memukul, mengharu orang-orang Islam di mana jua mereka rasai yang mereka boleh berbuat demikian dengan selamat. Pasukan-pasukan dari askar jalan kaki dan berkuda pergi melalui jalan-jalan raya menyeru kepada orang-orang Islam supaya memekikkan perkataan “Maharaja Bahadur Ki Jai” (kehormatan yang tertinggi bagi Maharaja, begitulah lebih kurang) dan memukul mereka itu bila sahaja mereka suka. Satu pasukan daripada askar-askar berkuda yang memakai lembing, umpamanya, telah melanggar sebuah kedai kecil kepunyaan seorang tukang jahit bangsa Inggeris masa ia tidak ada di kedai. Mereka buang-buangkan barang-barang dan mesin-mesin jahitnya, naik ke atas loteng, menangkap keraninya dan diheret akan dia ke jalan raya. Seorang-seorang daripada askar-askar itu memegang akan dia manakala yang lain memulas lehernya, menghempaskan kepalanya

ke atas bumi dan menendang kepalanya . . .

“Suatu cemeti telah dibawa keluar dari penjara ke suatu medan. Pengadil-pengadil hadir disitu. Banyak orang-orang yang ditangkap di jalan-jalan raya atau di rumah-rumah mereka telah dibawa ke situ lalu dipukul dan disebat . . . tiga minggu lepas itu saya nampak tanda-tanda pukulan itu pada peha seorang yang cukup tua dan tidak mengacau sesiapa. Orang itu kurang pendengaran dan tiada cepat menangkap perintah-perintah polis atau askar yang memekikkan perintah mereka itu.

“Seorang doktor Islam sedang mengenderai kereta kudanya lalu di jalanraya. Pandayah-pandayah telah memekik menyorok-nyorok kan dia . . . dia telah dikejar, diheret daripada keretanya dan dipukul.”

Tembak menembak ke atas orang ramai telah dilakukan di luar masjid besar dan berita-berita telah didapati berkenaan dengan tembak menembak dilakukan di pekan-pekan kecil dan di kampung-kampung dalam lembahan itu.



Bendera Pakistan terdiri di dalam kawasan Kashmir.

Cerita-cerita yang mendukacitakan ini daripada kebengisan-kebengisan Dogra telah sampai ke seberang sempadan masuk ke dalam jajahan Punjab yang dahulunya India British (sekarang sebuah jajahan besar bagi Pakistan). Cerita-cerita itu telah mengharu perasaan-perasaan orang-orang Islam di situ berkenaan dengan orang-orang Islam Kashmir yang ialah saudara seagama mereka.

Timbang rasa ke atas orang-orang Kashmir yang teraniaya itu merebak seluas-luasnya dan pasukan-pasukan sukarela mulalah berjalan masuk ke dalam kawasan Kashmir meminta ditangkap untuk memenuhi penjara-penjara negara itu.

Dengan digalakkan oleh bantuan ini kerana tujuan mereka, yang datangnya daripada saudara-saudara mereka di seberang sempadan

negara maka orang-orang dalam negeri itu telah membaharukan perjuangan kerana hak-hak mereka dengan sesuatu tenaga yang baharu. Di dalam daerah-daerah yang sekarang menjadi Azad Kashmir suatu pergerakan telah dimulakan iaitu pergerakan tidak mahu membayar cukai kepada negara. Dengan tenaga mereka itu telah memulakan perjuangan melawan kekuatan yang bersenjata daripada kerajaan Dogra itu dengan belantan dan juga dengan tangan mereka. Mereka telah mengelilingi kubu Dogra di pekan Kutli dan memaksakan dia menyerah diri. Pemerintahan Dogra telah goyang. Mereka meminta kuasa besar British di India menolong. Askar-askar British – India telah masuk ke dalam negara itu dan pergerakan itu telah dihapuskan.

Apakah akan jadi riwayatnya jika tidak ada kekuatan tentera British menolong kezaliman kerajaan Dogra yang sedang hendak runtuh itu?

Saya meminta tuan-tuan memerintahkan contoh perjuangan suatu bangsa yang teraniaya melawan seorang pemerintah yang zalim. Contoh itu akan berlaku lagi beberapa tahun kemudiannya dan kerajaan Delhi nampaknya menjadikan suatu model. Tetapi berkenaan dengan ini banyak akan diceritakan kemudian kelak.

Apakah sikap Kongres Kebangsaan India yang besar itu? Lagi sekali saya meminta tuan-tuan memerhati dan

memikirkan apa yang telah dilakukan dahulu sebelum kita sampai kepada masalah yang ada sekarang. Kerana kejadian-kejadian yang dahulu itu dan kehendak-kehendak beberapa buah parti yang berdasarkan kepada kejadian-kejadian itu adalah yang membawa arti kepada apa yang berlaku sekarang.

Kita mesti ingat bahawa pada masa orang-orang Kashmir menuntut mendapat sedikit suara dalam pertadbiran negara maka British India adalah menuntut lebih banyak hak berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Kongres dengan cergasnya melancarkan pergerakan supaya pemeritahan British yang lebih demokratik dan lebih bagus itu keluar daripada negeri. Kongres dengan mendiang Tuan Gandhi dan Pandeta Nehru di haluannya telah bertugas meminta supaya India dibebaskan dan di dalam persidangannya di Karachi tiga bulan sebelum berlaku haru biru di Kashmir, telah mengeluarkan perintah bahawa semua rakyat India mestilah ada hak bebas mengeluarkan fikiran, bebas bersekutu dan bersatu dan bebas berfikir dan "hak bebas beragama dan mengamalkannya mengikut kemahuan masing-masing", persamaan pada mata undang-undang tidak kira agama; bangsa atau jenis; bebas memiliki harta benda. Adalah diputuskan juga bahawa kerajaan India bebas mestilah berkecuali berkenaan dengan segala agama, persamaan hak dan memberi pelajaran permulaan dengan percuma dan wajib.

(bersambung)

Sebaik-baik manusia itu ialah yang celik melihat aib dirinya, dan berat dari orang lain – hakim Islam.

-----*-----*

Kalau seorang tidak mahu memerdekaan dirinya daripada harta nescaya selamanya ia menjadi hamba bagi hartanya - Syair Islam

-----*-----*

Janganlah engkau lekas gembira melihat barang yang mula-mula timbul, kerana yang mula-mula terbit pagi itu ialah fajar khazib (pendusta) – Syair Islam.